

Terma & Syarat
Pembiayaan ASB melalui AmOnline Kempen Raya
Tempoh Kempen: 1 Mac 2026 – 30 April 2026

PERINGATAN: Pelanggan Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) diingatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat di bawah ("Terma dan Syarat ini") serta apa-apa Terma dan Syarat yang telah dikemas kini (jika ada) yang terdapat di <https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions/>. Jika Pelanggan Layak tidak memahami mana-mana Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini dan/atau Terma dan Syarat yang dikemas kini, mereka dinasihatkan untuk berbincang dengan wakil sah/kakitangan berlesen Bank.

1 Definisi

- 1.1 Bagi tujuan Terma dan Syarat ini, perkataan berikut membawa maksud seperti yang dinyatakan kecuali konteks memerlukan sebaliknya:

"Kumpulan AmBank" merujuk kepada semua Syarikat Berkaitan dan Syarikat Bersekutu Bank sama ada diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia, sedia ada sekarang atau pada masa hadapan dan rujukan kepada 'Kumpulan AmBank' dalam Terma dan Syarat ini hendaklah merangkumi semua atau mana-mana entiti dalam Kumpulan AmBank.

"Aplikasi AmOnline" ialah perkhidmatan perbankan dalam talian melalui aplikasi mudah alih yang disediakan oleh Bank kepada pelanggan yang ditawarkan dalam bentuk aplikasi mudah alih.

"Syarikat Bersekutu" mempunyai maksud seperti di bawah Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

"Syarikat Berkaitan" mempunyai maksud seperti di bawah Seksyen 7 Akta Syarikat 2016.

"Bank" merujuk kepada AmBank (M) Berhad [No. Pendaftaran: 19690100016 (8515-D)] atau AmBank Islamic Berhad [No. Pendaftaran: 199401009897 (295576-U)], yang kedua-duanya diperbadankan di Malaysia dan beralamat berdaftar di Aras 22, Bangunan AmBank Group, No. 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

"Kempen" merujuk kepada "Pembiayaan ASB melalui AmOnline Kempen Raya" dengan kadar serendah 4.15% setahun yang dianjurkan oleh Bank selaras dengan Terma dan Syarat ini.

"Kemudahan" atau **"Pembiayaan ASB"** merujuk kepada produk Pembiayaan Bertempoh-i yang dijamin dengan sijil ASB atau ASB2 (Pembiayaan ASB/ASB2).

"Notis Awal" merujuk kepada notis oleh Bank mengenai fakta-fakta tertentu atau keadaan tertentu sekurang-kurangnya lima (5) hari bekerja lebih awal.

2 Tempoh Kempen

- 2.1 Kempen berlangsung dari **1 Mac 2026 hingga 30 April 2026** (kedua-dua tarikh termasuk) ("**Tempoh Kempen**"). Bank berhak mengubah atau meminda tempoh tersebut dengan Notis Awal.

3 Kelayakan Kempen

- 3.1 Kempen ini hanya terbuka kepada pelanggan seperti yang ditakrifkan di bawah yang menerima jemputan untuk menyertai Kempen ini melalui AmOnline:
- Pelanggan Individu Bumiputera yang mendaftar untuk Aplikasi AmOnline baharu sebelum tamat Tempoh Kempen;
 - Pelanggan Individu Bumiputera yang merupakan pengguna sedia ada Aplikasi AmOnline; yang selepas ini dirujuk sebagai ("**Pelanggan Layak**").

Terma & Syarat
Pembiayaan ASB melalui AmOnline Kempen Raya
Tempoh Kempen: 1 Mac 2026 – 30 April 2026

- 3.2 Kategori individu berikut TIDAK layak untuk menyertai Kempen ini:
- a) Bukan Bumiputera
 - b) Semua kakitangan AmBank/AmBank Islamic
 - c) Pelanggan bukan individu termasuk, tetapi tidak terhad kepada;
 - Pemilik tunggal/perkongsian; dan/atau
 - Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS); dan/atau
 - Organisasi bukan berasaskan keuntungan/badan kebajikan/persatuan

4 Mekanik & Ganjaran Kempen

- 4.1 Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak mesti memohon Pembiayaan ASB melalui aplikasi AmOnline dan menghantar permohonan lengkap melalui aplikasi tersebut.
- 4.2 Permohonan mesti dihantar dalam tempoh kempen.
- 4.3 Hanya Pelanggan Layak yang menerima pengeluaran pembiayaan selewat-lewatnya pada 30 April 2026 layak memenangi hadiah yang dinyatakan di bawah.
- 4.4 Pelanggan Layak akan menikmati kadar 4.15% setahun.
- 4.5 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan individu Bumiputera.
- 4.5 Seratus (100) pelanggan terawal yang berjaya menerima pencairan minimum Ringgit Malaysia Seratus Ribu (RM100,000) akan memenangi pin tambah nilai Touch & Go bernilai Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50).

5 Pemenuhan Kempen

- 5.1 Ganjaran akan diberikan secara first-come, first-served kepada Pelanggan Layak.
- 5.2 Pelanggan Layak akan dipilih selepas kempen berakhir.
- 5.3 Pin tambah nilai Touch & Go akan diberikan melalui peti mel AmOnline dalam tempoh 3 bulan selepas tamat Tempoh Kempen.
- 5.4 Pemenang yang terpilih akan diumumkan dan dimaklumkan melalui notifikasi tolak (push notification) AmOnline.
- 5.5 Pemenang yang terpilih bertanggungjawab memastikan nombor telefon/butiran hubungan yang diberikan adalah terkini dan telah dikemas kini.
- 5.6 Sekiranya terdapat sebarang kesukaran teknikal yang tidak dijangka semasa pemenuhan Ganjaran, Ganjaran tersebut akan dipenuhi dalam tempoh sembilan puluh (90) hari kalendar dari tarikh tamat Tempoh Kempen.

6. Kriteria Penyertaan

- 6.1 Pelanggan Layak dinasihatkan untuk membaca dan memahami Notis Privasi Kumpulan AmBank, yang boleh didapati di laman web Bank (<https://www.ambank.com.my/privacy-policy>), di mana-mana cawangan AmBank / AmBank Islamic serta dalam borang permohonan Pembiayaan ASB AmOnline.
- 6.2 Dengan menyertai kempen ini, Pelanggan Layak:
- a) bersetuju bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini;
 - b) bersetuju bahawa semua rekod transaksi yang direkodkan oleh sistem Bank dalam Tempoh Kempen adalah berdasarkan tarikh dan masa tempatan serta dianggap tepat dan muktamad; dan
 - c) bersetuju bahawa keputusan Bank mengenai semua perkara berkaitan Kempen adalah muktamad dan mengikat semua Pelanggan Layak.
- 6.3 Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab atas:
- a) Sebarang kerosakan teknikal atau masalah lain yang berkaitan dengan rangkaian atau talian telefon, sistem komputer dalam talian, pelayan, penyedia capaian, peralatan komputer atau perisian;
 - b) Kegagalan mana-mana maklumat untuk diterima, direkod atau disimpan atas apa jua sebab, termasuk

Terma & Syarat
Pembiayaan ASB melalui AmOnline Kempen Raya
Tempoh Kempen: 1 Mac 2026 – 30 April 2026

tetapi tidak terhad kepada masa henti sistem, masalah teknikal atau kesesakan trafik di Internet atau pada Aplikasi AmOnline;

- c) Sebarang kecederaan atau kerosakan kepada Pelanggan Layak atau mana-mana peranti orang lain yang berkaitan atau berpunca daripada penyertaan dalam Kempen ini;
 - d) Sebarang gabungan perkara di atas.
 - e) Ganjaran maksimum telah ditebus sepenuhnya/habis ditebus.
- 6.4 Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada Pelanggan Layak sekiranya ganjaran telah mencapai jumlah pembayaran maksimum sepanjang Kempen ini.
- 6.5 Sekiranya Bank kemudian mendapati bahawa seseorang Pelanggan Layak sebenarnya tidak layak untuk menerima ganjaran atau berlaku sebarang kesilapan dalam pengkreditan atau penganugerahan ganjaran, Bank berhak untuk menolak pengkreditan, meminda, membetulkan, melaraskan atau mendapatkan semula ganjaran tersebut. Pelanggan Layak akan dimaklumkan melalui kaedah yang dinyatakan dalam Klausula 5.4.
- 6.6 Bank tidak akan melayan sebarang permintaan daripada Pelanggan Layak untuk memindahkan ganjaran ke akaun lain yang diselenggara oleh Bank atau mana-mana institusi kewangan lain atau ke akaun pihak ketiga.
- 6.7 Bank berhak untuk menukar atau menggantikan ganjaran kepada apa-apa bentuk ganjaran lain dengan nilai yang bersamaan, dan Pelanggan Layak akan dimaklumkan dengan Notis Awal melalui kaedah komunikasi yang disediakan dalam Kempen ini.

7. Kriteria Pembatalan Penyertaan

- 7.1 Bank berhak untuk membatalkan kelayakan penyertaan mana-mana Pelanggan Layak bagi tujuan Kempen ini. Pelanggan Layak yang telah melakukan atau yang menurut penilaian Bank berpotensi melakukan mana-mana perbuatan yang menyalahi terma yang dinyatakan di sini akan serta-merta dibatalkan kelayakan daripada menyertai Kempen ini.

8. Umum

- 8.1 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat ini, yang hendaklah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Am bagi Pembiayaan Bertempoh-i yang Dijamin oleh Sijil ASB/ASB2;
- 8.2 Pihak Bank pada bila-bila masa berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan Notis Awal.
- 8.3 Pihak Bank berhak untuk meminda, mengubah, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini, sama ada sebahagian atau sepenuhnya dari semasa ke semasa termasuk meminda Tempoh Kempen dengan Notis Awal.
- 8.4 Sebarang notis yang dikeluarkan oleh Bank akan dipaparkan di laman web rasmi Bank di www.ambank.com.my atau dipamerkan di cawangannya, dan notis tersebut dianggap telah diberikan apabila dipaparkan di laman web rasmi atau cawangannya, yang mana lebih awal.
- 8.5 Melainkan dinyatakan sebaliknya, Terma dan Syarat ini, termasuk sebarang pindaan, akan mengatasi apa-apa peruntukan dan/atau representasi lain yang terkandung dalam notis/Kempen/bahan pengiklanan lain untuk Kempen ini.
- 8.6 Keputusan Bank berhubung semua perkara berkaitan kelayakan Kempen adalah muktamad dan mengikat semua Pelanggan Layak.
- 8.7 Bank tidak bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami seperti kehilangan pendapatan atau keuntungan, atau apa-apa kerosakan tidak langsung, sampingan, berbangkit, contoh, punitif atau khas oleh mana-mana pihak termasuk pihak ketiga yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen ini, kecuali jika kerugian atau kerosakan tersebut berpunca secara langsung daripada kecuaiannya melampau, keingkaran sengaja atau penipuan oleh Bank.

Terma & Syarat
Pembiayaan ASB melalui AmOnline Kempen Raya
Tempoh Kempen: 1 Mac 2026 – 30 April 2026

- 8.8 Tiada pampasan dalam bentuk wang atau apa jua bentuk akan diberikan kepada Pelanggan Layak atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung secara langsung atau tidak langsung akibat pindaan, perubahan, pemadaman, penambahan atau pengubahsuaian Terma dan Syarat ini melainkan ia berpunca semata-mata daripada kecuaiian melampau dan/atau keingkaran Bank.
- 8.9 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Layak apabila berlaku sebarang peristiwa Force Majeure. "Force Majeure" merujuk kepada sebarang peristiwa dan/atau keadaan yang tidak dijangka di luar kawalan munasabah Bank dan yang tidak dapat dielakkan, dicegah atau diatasi oleh Bank termasuk bencana alam seperti pandemik, banjir, taufan, hurikan, ribut, angin kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, mendapan tanah atau pergerakan bumi atau tindakan ketidakstabilan awam seperti mogok, sekatan, gangguan industri, rusuhan, peperangan, atau apa-apa peristiwa lain yang dianggap Force Majeure oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 8.10 Bank tidak akan bertanggungjawab atas kegagalan mana-mana Pelanggan Layak untuk menyertai Kempen pada bila-bila masa disebabkan sebarang ralat, gangguan dan/atau kegagalan rangkaian, komunikasi atau sistem.
- 8.11 Semua soalan berkaitan pembinaan, kesahihan, penguatkuasaan dan tafsiran Terma dan Syarat ini hendaklah ditadbir, ditafsir dan dikuatkuasakan mengikut undang-undang Malaysia. Pihak-pihak dengan ini bersetuju tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah di Malaysia bagi tujuan apa-apa tindakan, prosiding atau tuntutan yang timbul daripada Terma dan Syarat ini.
- 8.12 Pelanggan Layak dikehendaki untuk melayari laman web korporat Bank bagi sebarang kemas kini Kempen dan merujuk kepada <https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> untuk Terma dan Syarat terkini, jika ada.
- 8.13 Untuk sebarang bantuan dan/atau maklum balas berkaitan Kempen ini, Pelanggan Layak boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Bank dari pukul 7.00 pagi hingga 11.00 malam, Isnin hingga Ahad dengan menghubungi +603-2178 8888 atau menghantar e-mel ke customercare@ambankgroup.com.
- 8.14 Versi Bahasa Inggeris bagi Terma dan Syarat ini juga tersedia di <https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions>.